

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	10 December 2015



NAJIB TUN RAZAK bersama Khairy Jamaluddin ketika melancarkan Unit Dana Bumiputera Pemuda UMNO sempena Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur, semalam.

Najib lancar Unit Dana Bumiputera

UM - 10/12/2015

KUALA LUMPUR 9 Dis. - Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak melancarkan Unit Dana Bumiputera bagi membantu usahawan yang baru berkecimpung dalam dunia perniagaan mendapatkan bantuan kewangan daripada agensi-agensi kerajaan.

Beliau melancarkan program itu semasa hadir pada Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Khairy

Jamaluddin dan Naib Ketuaanya, Khairul Azwan Harun.

Sementara itu, Khairul Azwan berkata, program yang dibangunkan oleh pergerakan Pemuda UMNO itu adalah pemudah cara untuk memadankan setiap perniagaan dengan agensi kerajaan yang tepat bagi memastikan usahawan mendapat bantuan dana daripada peruntukan yang disediakan.

"Program ini diwujudkan selepas usahawan-usahawan bumiputera yang hadir dalam Kon-

vensyen Dana Bumiputera pada 28 November lalu menyatakan kesukaran mereka untuk mendapatkan bantuan dana.

"Melalui program ini, Pemuda UMNO akan membantu memadankan perniagaan dengan agensi yang tepat dan memohon dana daripada kerajaan sehinggalah setiap usahawan ini berjaya dalam bidang masing-masing," katanya semasa berucap mencadangkan usul ucapan dasar Ketua Pergerakan Pemuda UMNO dalam perhimpunan itu.